
MEDIA CLIPPING

Client :	Matrix Concepts Holdings Berhad	Date :	12 February 2015
Media :	Bernama Newswire	Section :	Business
Language :	Malay		

"Matrix Concepts Pre-tax Profit For FY14 Increases To RM244.75 Million"

Keuntungan Sebelum Cukai Matrix Concepts Untuk Tahun Kewangan 2014 Naik Kepada RM244.75 Juta

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Keuntungan sebelum cukai Matrix Concepts Holdings Bhd bagi tahun kewangan berakhir 31 Dis, 2014 naik kepada RM244.75 juta berbanding RM205.05 juta yang direkodkan dalam 2013.

Pendapatan meningkat kepada RM598.29 juta daripada RM573.5 juta sebelum ini, kata syarikat itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia hari ini.

Kumpulan itu dalam satu kenyataan hari ini, berkata peningkatan keuntungan itu adalah disebabkan oleh campuran produk yang yang lebih baik dalam segmen pembangunan harta tanah, disokong oleh pengiktirafan jualan yang lebih tinggi untuk harta tanah industri dan kediaman.

Pengerusi Datuk Mohamad Haslah Mohamad Amin berkata respon pembeli yang lebih baik dalam pelancaran harta tanah syarikat itu membuktikan komitmen kumpulan terhadap harta tanah yang menguntungkan yang ada dalam jangkauan populasi yang semakin berkembang di Negeri Sembilan dan Johor.

"Kami yakin permintaan untuk produk-produk mampu milik akan kekal dalam tahun kewangan 2015, dan sedia untuk meneruskan momentum kami ke hadapan.

"Oleh itu, kami berhasrat untuk melancarkan projek-projek baharu dengan jumlah nilai pembangunan kasar sebanyak RM1 bilion di Negeri Sembilan dan Johor, yang akan mendukung kami dalam kedudukan yang baik bagi memberikan pertumbuhan yang lebih kukuh dalam tahun-tahun yang akan datang." katanya.

-- BERNAMA